

# SIARAN MEDIA

## Untuk Siaran Segera



### **BANK ISLAM MENJADI INSTITUSI KEWANGAN ISLAM LENGKAP PERTAMA DIANUGERAHKAN PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001**

Pencapaian mencerminkan komitmen Bank dalam mencegah amalan rasuah dan penyelewengan

**KUALA LUMPUR, Khamis, [5 Oktober 2023]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) telah memperoleh pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) ISO 37001 daripada ABAC Centre of Excellence Sdn Bhd (ABAC), menjadikannya institusi kewangan Islam lengkap pertama di Malaysia yang dianugerahkan akreditasi berprestij ini.

Pengerusi Bank Islam, Tan Sri Dr Ismail Bakar, menerima akreditasi tersebut pada majlis pensijilan yang diadakan di Menara Bank Islam awal hari ini daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ABAC, Zafar Anjum. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, pensijilan ISO 37001 mengiktiraf amalan antirasuah dan merupakan satu pengisyiharan komitmen toleransi sifar institusi perbankan berkenaan terhadap amalan rasuah dan penyelewengan. Pensijilan ini menetapkan piawaian baharu dalam industri dan meletakkan Bank Islam sebagai sebuah organisasi yang beretika dan bertanggungjawab.

"Pensijilan ISO 37001 memberi keyakinan kepada pengurusan, kakitangan, pelanggan dan pemegang kepentingan lain bahawa Bank Islam telah mengambil langkah sewajarnya untuk mencegah rasuah. Ia juga meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi dalam menguruskan risiko berkaitan rasuah."

"Dengan adanya pensijilan ini, kami percaya pelanggan, rakan perniagaan dan pemegang kepentingan lain akan terus meletakkan kepercayaan mereka kepada Bank Islam dalam menguruskan kepentingan mereka," katanya.

ISO 37001 adalah piawaian antarabangsa yang menentukan keperluan dan menyediakan panduan bagi mewujud dan melaksana, menyelenggara, menyemak dan menambah baik sistem pengurusan antirasuah.

Menurut Mohd Muazzam, Bank Islam sentiasa berusaha untuk mengukuhkan integriti dengan mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan kakitangan.

"Kami telah melaksanakan beberapa langkah dan polisi kritisikal untuk mendapatkan pensijilan ISO 37001 ABMS. Ia termasuk melaksanakan Garis Panduan ABMS yang berfungsi sebagai satu dokumen dalaman yang mengesahkan bahawa prosedur yang dicatatkan memenuhi keperluan Piawaian ISO 37001 ABMS. Akreditasi ini juga melengkapkan usaha Bank dalam memastikan kod tatalaku yang ketat, tadbir urus yang baik dan integriti yang tinggi," jelasnya.

Pada Julai 2022, Bank Islam melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2022-2025 sulungnya. Bank ini juga memperkenalkan Polisi Antirasuah dan Penyelewengan Kumpulan pada 2021 yang menggariskan peranan dan tanggungjawab kakitangan dalam menegakkan nilai-nilai asas integriti, ketelusan dan kebertanggungjawapan secara konsisten dalam segenap operasinya.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)]**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my).**